

PERTANDINGAN MEMASAK

Sila baca Terma dan Syarat dengan teliti sebelum anda menyertai Pertandingan ini. Setelah menyertainya, anda dianggap telah menerima semua Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk mematuhi. Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat pada bila-bila masa tanpa notis terdahulu.

PENGENALAN PERTANDINGAN PERTANDINGAN MEMASAK

("Pertandingan") ini dianjurkan oleh Kara Marketing Sdn Bhd ("Penganjur").

Pertandingan ini bermula pada 17 April 2023 hingga 14 Mei 2023 jam 11:59 tengah malam.

Penganjur berhak mengubah, melanjutkan, menggantung atau menamatkan Pertandingan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya sendiri atau sekiranya Pertandingan tidak dapat diteruskan atas apa jua sebab. Peserta bersetuju untuk tidak akan membangkitkan sebarang tuntutan terhadap Penganjur atas sebab penamatan atau penggantungan tersebut.

KELAYAKAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan yang menetap di Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas. Sekiranya peserta berumur kurang daripada 18 tahun pada tarikh penyertaan, peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga sebelum menyertai Pertandingan ini dan hendaklah mengemukakan kebenaran tersebut apabila diminta oleh Penganjur.
2. Penganjur berhak untuk menyingkirkan mana-mana peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat Pertandingan ini atau jika Penganjur mendapati peserta gagal untuk memenuhi mana-mana kriteria penyertaan yang ditetapkan oleh Penganjur.

CARA-CARA UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN MEMASAK KARA

1. Untuk menyertai Peraduan ini, setiap Peserta mesti mengambil langkah-langkah berikut:
 - a. LANGKAH 1: Peserta hendaklah menghantar resipi Raya tersendiri menggunakan Krim Kelapa KARA yang boleh didapati di laman web KARA, platform eCommerce dan juga pasaraya berdekatan (65ml hingga ke 1 Liter).
 - b. LANGKAH 2: Peserta hendaklah menghantar penyertaan peraduan beserta bukti pembelian produk KARA melalui laman web KARA: [KARA.COM.MY/MACAMMACAMKARA](https://www.kara.com.my/macammacamkara)
 - c. LANGKAH 3: Hantarkan resit pembelian produk KARA & resipi tersendiri beserta produk KARA (produk KARA diletakkan bersama-sama masakan/hidangan), dalam format gambar dan juga video di: [KARA.COM.MY/MACAMMACAMKARA](https://www.kara.com.my/macammacamkara)
 - d. LANGKAH 4: Berpeluang untuk memenangi Alat Masak Edisi Terhad KARA (20 set, 1 Set untuk setiap 1 Pemenang).

NOTA: Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dengan syarat setiap penyertaan mesti disertakan dengan nombor telefon yang sah (yang bertarikh di dalam masa tempoh Peraduan ini dijalankan).

HADIAH

Hadiah: Alat Masak Edisi Terhad KARA (20 set, 1 Set untuk setiap 1 Pemenang).

Untuk pemilihan pemenang Hadiah, pihak Penganjur akan mengumpul semua maklumat peserta daripada agensi dan peserta yang disenarai pendek akan dihubungi untuk menjawab soalan mudah sebelum diumumkan sebagai pemenang oleh pihak Kara Marketing Sdn Bhd.

Jumlah penyertaan sah akan ditentukan oleh pegawai Kara Marketing (M) Sdn Bhd.

- a. Setiap Pemenang yang terpilih hanya berhak memenangi satu (1) hadiah.
- b. Semua hadiah diberikan atas dasar “seadanya” dan tidak boleh dipindahkan, ditukar, dan ditunaikan.
- c. Penganjur akan menghubungi Pemenang melalui butir-butir hubungan yang diberikan semasa proses penghantaran penyertaan.
- d. Sekiranya Peserta tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tujuh (7) hari berturut-turut, atau jika berjaya dihubungi, memilih untuk tidak menerima hadiah, Penganjur berhak membatalkan kelayakan Peserta dan menarik balik hadiah.
- e. Pemenang yang memerlukan wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka hendaklah memastikan bahawa wakil mengemukakan surat kebenaran yang ditandatangani oleh Pemenang, satu salinan Bukti Identiti Pemenang, dan Bukti Identiti wakil.
- f. Penganjur tidak menjamin ketersediaan hadiah dan Penganjur berhak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan apa-apa hadiah yang serupa nilainya seperti yang ditentukan oleh Penganjur, agennya atau penajanya.

HAK PENGANJUR

1. Peserta bersetuju bahawa semua bahan yang diserahkan oleh Peserta untuk Peraduan ini menjadi milik Penganjur. Jika berkenaan, hak cipta dan semua hak harta intelek (termasuk hak moral) yang wujud dalam semua bahan termasuk tetapi tidak terhad kepada bahan digital (contohnya: video, imej dan nama resipi, langkah-langkah dalam resipi dan lain-lain) akan menjadi milik Penganjur setelah diserahkan.
2. Penganjur berhak menerbitkan dan menggunakan nama, gambar, imej, yang diserahkan oleh Peserta/ Pemenang atau terhadap Peserta/Pemenang bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan/atau apa-apa tujuan lain, tanpa sebarang notis terdahulu atau pampasan kepada Peserta/Pemenang. Pemenang tidak berhak menuntut pemilikan atau bentuk pampasan lain terhadap penggunaan bahan tersebut.
3. Sebagai balasan bagi Penganjur menawarkan peluang kepada Peserta untuk menyertai Peraduan, Peserta dengan ini secara tidak bersyarat, tidak boleh membatalkan persetujuannya untuk memberikan kebenarannya untuk perkara berikut:
 - a. Penganjur dibenarkan menggunakan nama, imej, atau gambaran yang serupa dengan Peserta bagi tujuan penyuntingan, pengiklanan, promosi, pemasaran dan/atau tujuan lain tanpa notis lanjut atau pampasan. Semua kos kehadiran dan penyertaan Peserta hendaklah ditanggung oleh Peserta dan Penganjur tidak bertanggungjawab menanggung apa-apa kos perbelanjaan, gaji atau pampasan kepada Peserta.
 - b. Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggal dan mutlak, untuk menggunakan dan mengeksploitasi Harta Intelek melalui mana-mana kaedah atau perantara dan dalam apa jua cara dan pada bila-bila masa yang dianggapnya wajar tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran atau menuntut apa-apa pembayaran pun jua kepada Peserta dan/atau pemenang Peraduan dan/atau wakil.
 - c. Penganjur berhak menurut budi bicara tunggalnya, menyingkirkan mana-mana Peserta yang mengeksploitasi dan mengganggu mekanisme, sistem, perisian Peraduan atau apa-apa proses lain berkaitan dengan Peraduan ini.
 - d. Penganjur berhak menyingkirkan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati tidak sopan atau tidak sesuai untuk tatapan umum atau didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengusik proses penyertaan Peraduan, pengendalian Peraduan ini.
 - e. Penganjur berhak untuk meneruskan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu

yang dipercayainya terlibat dalam aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Peraduan, Penganjur atau proses penyertaan Peraduan.